

## SOALAN LAZIM (FAQ)

### Umum

1. Apakah sistem eFEIS?  
*eFEIS atau electronic Fire Extinguisher Inspection System adalah satu sistem elektronik yang dibangunkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi tujuan pemeriksaan Alat Pemadam Api (APA) mudahalih secara atas talian (online). Modul-modul utama sistem eFEIS ialah pendaftaran Orang Yang Berkompeten (Competen Person), pendaftaran kontraktor penyelenggaraan APA, pendaftaran APA, tempahan pemeriksaan, bayaran dan pemeriksaan APA.*
2. Apakah alamat portal eFEIS?  
*<https://efeis.bomba.gov.my>*
3. Apakah jenis-jenis APA yang perlu diselenggara dan diperiksa menggunakan sistem eFEIS?  
*APA jenis debu kering, karbon dioksida, air, buih dan wet chemical.*
4. Apakah berat maksima APA perlu diselenggara dan diperiksa menggunakan sistem eFEIS?  
*APA yang mempunyai berat kandungan media pemadaman tidak melebihi dua puluh kilogram (20 kg).*
5. Berapakah jangka hayat tabung APA?  
*Sepuluh (10) tahun bagi tabung warna merah. Jangka hayat tabung dikira bermula dari bulan dan tahun APA diperbuat.*
6. Apakah peruntukan undang-undang dan piawaian yang digunapakai berkaitan dengan APA?
  - a) *UuK 227, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;*
  - b) *P.U.(A) 463: Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba. (Fi Tugas Khas) 2021;*
  - c) *MS 1539: Specification For Portable Fire Extinguishers:*
    - i) *Part 1: Construction and testing Methodology*
    - ii) *Part 2: Wheeled Fire Extinguisher*
    - iii) *Part 3: Selection and Installation*
    - iv) *Part 4: Maintenance of Portable Fire Extinguisher*
    - v) *Part 6: Specification For Small Disposable Fire Extinguisher of Aerosol Type*
7. Adakah APA yang dipasang pada kenderaan awam, kenderaan perdagangan, kapal, bot dan feri perlu menggunakan sistem eFEIS dan pemeriksaan Bomba?  
*Tidak perlu.*

## **Pendaftaran Orang Yang Berkompeten (Competent Person)**

1. Apakah kelayakan yang diperlukan untuk berdaftar sebagai *Competent Person* (CP) dalam sistem eFEIS?  
*Kelayakan minima yang diperlukan adalah seperti berikut:*
  - i) *Rakyat Malaysia;*
  - ii) *Lulus peperiksaan SPM atau setaraf dan;*
  - iii) *Berpengalaman dalam kerja-kerja penyelenggaraan APA tidak kurang daripada dua(2) tahun atau bekas pegawai Bomba yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima(5) tahun;*
  - iv) *Menghadiri dan lulus kursus CP yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah JBPM; dan*
  - v) *Mempunyai kemahiran dan pengetahuan pengendalian peralatan penyelenggaraan APA*
  
2. Di manakah saya boleh menghadiri kursus CP?  
*Sila layari [www.kobopem.com.my](http://www.kobopem.com.my) bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung Kursus CP.*
  
3. Sekiranya seseorang itu telah diistiharkan muflis, bolehkan beliau mendaftar sebagai CP?  
*Boleh*
  
4. Saya telah menghadiri pelbagai kursus dengan JBPM dan diberikan Sijil Penyertaan/Kehadiran. Bolehkah sijil-sijil tersebut dijadikan sebagai pra syarat untuk mendaftar sebagai CP?  
*Boleh, sijil-sijil tersebut boleh dijadikan sokongan kepada permohonan. Bagaimanapun syarat-syarat minima seperti Para 1 hendaklah dipatuhi.*
  
5. Bolehkah CP yang telah berdaftar dengan syarikat yang lain, kemudian ingin berdaftar dengan syarikat yang lain?  
*Tidak boleh. CP hanya berdaftar dengan satu syarikat dan satu bengkel sahaja.*
  
6. Bagaimana jika CP berhenti kerja dari sesuatu syarikat?  
*CP perlu login akaun CP dan tekan butang Berhenti.*
  
7. Berapakah had umur maksima bagi berdaftar sebagai CP?  
*Umur maksima adalah 65 tahun, Ketua Pengarah Bomba boleh memperbaharui pendaftaran CP secara tahunan setelah mendapat pengesahan ketahanan fizikal dan mental daripada pengamal perubatan berdaftar.*
  
8. Apakah sebab-sebab yang membolehkan pendaftaran CP dibatalkan atau digantung?  
*CP boleh dibatalkan atau digantung pendaftarannya bagi tempoh tidak melebihi dua belas(12) bulan sekiranya melakukan perkara-perkara berikut:*
  - a) *Gagal atau melanggar untuk mematuhi peraturan atau arahan-arahan yang ditetapkan oleh JBPM;*
  - b) *Sekiranya CP telah disabitkan dengan suatu kesalahan melibatkan penipuan atau ketidakjujuran atau suatu kesalahan di bawah peraturan atau arahan-arahan yang ditetapkan oleh JBPM;*
  - c) *Sekiranya CP didapati tidak mampu melaksanakan tugas-tugas atau tanggungjawab bagi CP sebagaimana peraturan atau arahan-arahan yang ditetapkan oleh JBPM; dan*
  - d) *CP memperolehi perakuannya cara penipuan atau salah representasi;*

9. Adakah perakuan CP perlu diperbaharui setiap tahun?  
*Perakuan CP perlu diperbaharui setiap dua (2) tahun sekali iaitu dua (2) bulan sebelum tempoh perakuan tamat.*
10. Adakah CP perlu menghadiri sebarang kursus setelah mendapat perakuan CP dari JBPM?  
*Ya. Berdasarkan MS 1539:Part 4:2004, CP perlu menghadiri kursus pengukuhan (refresher course) sekurang-kurangnya setiap lima (5) tahun sekali atau setelah dua (2) tahun dari tarikh kursus yang pertama jika tidak praktis atau terlibat dalam sebarang aktiviti penyelenggaraan APA.*

### **Pendaftaran Kontraktor Penyelenggaraan APA (KPA)**

1. Apakah kelayakan minima yang diperlukan untuk berdaftar sebagai Kontraktor Penyelenggaraan APA (kontraktor)?
  - a) Syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965;
  - b) Telah mengajikan sekurang-kurangnya seorang CP secara sepenuh masa;
  - c) Mempunyai premis/bengkel untuk beroperasi; dan
  - d) Mempunyai peralatan penyelenggaraan APA yang mencukupi
2. Bolehkah kontraktor yang berdaftar di Perak menjalankan penyelenggaraan APA di luar sempadan negeri Perak?  
*Tidak boleh. kontraktor yang berdaftar hanya boleh menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan APA di negeri di mana bengkelnya didaftarkan sahaja. Negeri-negeri telah digabungkan dimana kontraktor yang berdaftar di negeri yang berada dalam gabungan (zon) tersebut boleh menjalankan penyelenggaraan APA seperti berikut:*
  - i) Perlis, Kedah & Pulau Pinang
  - ii) Perak
  - iii) Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya
  - iv) Negeri Sembilan, Melaka & Johor
  - v) Pahang
  - vi) Kelantan & Terengganu
  - vii) Sarawak
  - viii) Labuan
  - ix) Sabah  
*Kontraktor di negeri Perak, Pahang, Sarawak, Labuan & Sabah hanya boleh menjalankan penyelenggaraan APA di negeri dimana bengkelnya berdaftar sahaja. Manakala negeri yang berada dalam gabungan boleh melakukan kerja-kerja penyelenggaraan di negeri yang berada dalam gabungan contohnya kontraktor yang berdaftar di Johor boleh menjalankan kerja penyelenggaraan di negeri Johor, Negeri Sembilan dan Melaka dan begitulah sebaliknya.*
3. Apakah bidang penyelenggaraan APA yang terdapat dalam sisten eFEIS?  
*Debu kering, karbon dioksida(CO<sub>2</sub>), air, buih dan wet chemical.*
4. Sekiranya syarikat saya berdaftar dalam bidang debu kering, bolehkan saya menyelenggara APA jenis CO<sub>2</sub> dan lain-lain?  
*Tidak boleh. Kontraktor yang telah didaftarkan dalam bidang debu kering hanya boleh menjalankan penyelenggaraan APA jenis debu kering sahaja.*

5. Bagaimanakah caranya bagi membolehkan kontraktor menyelenggara APA jenis CO<sub>2</sub> setelah berdaftar dalam bidang debu kering sahaja?  
*Kontraktor perlu mengemukakan permohonan tambah bidang (Update Category) iaitu bidang CO<sub>2</sub> dalam sistem eFEIS. Permohonan Update Category boleh diluluskan sekiranya mempunyai kelengkapan/peralatan yang berkaitan penyelenggaraan APA jenis CO<sub>2</sub>.*
6. Bolehkah penyelenggaraan APA jenis CO<sub>2</sub> diselenggara oleh bengkel yang ada MOU dengan saya?  
*Tidak boleh. Semua kerja-kerja penyelenggaraan APA akan dipertanggungjawabkan kepada kontraktor yang berdaftar dan menyelenggara APA tersebut. Kontraktor yang berdaftar berhadapan dengan pelbagai risiko kerana mengesahkan APA yang tidak diselenggara olehnya.*
7. Apakah sebab-sebab yang membolehkan pendaftaran kontraktor dibatalkan atau digantung?
  - i) *Sekiranya CP tidak lagi bekerja di syarikat tersebut;*
  - ii) *Suatu perintah pengulungan telah diberikan oleh suatu Mahkamah berhubung dengan syarikat itu;*
  - iii) *Jika syarikat itu melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peraturan atau arahan-arahan yang ditetapkan oleh JBPM;*
  - iv) *Jika didapati kepada Pengarah Bomba Negeri bahawa syarikat itu tidak lagi dalam kedudukan untuk melaksanakan tugas-tugas atau tanggungjawab bagi kontraktor di bawah peraturan atau arahan-arahan yang ditetapkan oleh JBPM;*
  - v) *Jika syarikat itu memperolehi perakuannya dengan cara penipuan atau salah representasi; atau*
  - vi) *Jika syarikat itu telah gagal untuk mempertahankan kelayakan-kelayakan dan keperluan minima dibawah peraturan atau arahan-arahan yang ditetapkan oleh JBPM*
8. Adakah perakuan kontraktor perlu diperbaharui setiap tahun?  
*Perakuan kontraktor perlu diperbaharui setiap dua(2) tahun sekali iaitu dua (2) bulan sebelum tempoh perakuan tamat.*

### **Pendaftaran Alat Pemadam Api (APA)**

1. Adakah semua APA perlu didaftarkan dalam sistem eFEIS?  
*Ya, Semua APA yang ditempatkan dipremis perlu didaftarkan dalam sistem eFEIS.*
2. Adakah APA milik Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu didaftarkan?  
*Ya.*
3. Apakah yang dimaksudkan dengan APA New dan APA Renew?  
*APA new adalah APA yang baru dikeluarkan daripada kilang dan ianya boleh dibuat pemeriksaan di mana-mana pusat pemeriksaan (Pusat eFEIS) di seluruh negara. Manakala APA Renew adalah APA yang telah berada di premis dan telah dilakukan pemeriksaan oleh JBPM dan mempunyai samada resit H13 atau pelekat barcode / QR Code.*
4. Berapakah caj yang dikenakan bagi pemeriksaan APA oleh JBPM?  
*RM5.00 setiap APA kecuali yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri*

5. Adakah APA akan dianggap gagal (fail) sekiranya nombor siri yang didaftarkan tidak sama seperti nombor siri pada tabung APA atau alamat/lokasi APA tidak lengkap?  
Ya
6. Sekiranya APA telah gagal dalam pemeriksaan adakah perlu bayaran semula sebanyak RM5.00 setiap APA?  
Ya. Kontraktor perlu menjelaskan bayaran semula untuk setiap kali pemeriksaan dilakukan.
7. Adakah lokasi APA perlu dimasukkan dengan terperinci semasa pendaftaran APA?  
Ya. Lokasi dan alamat premis hendaklah didaftarkan dengan lengkap. Contoh lokasi dan alamat lengkap adalah seperti berikut:

*Bilik Mesyuarat  
Unit 312-A, Tingkat 3, Blok A,  
Wisma Tuanku Jaafar,  
No. 18, Jalan Selorong,  
Pusat Perniagaan Jintan,  
70300 Seremban,  
Negeri Sembilan*